A

MOHAMMAD JAFOR HOSSAIN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
GHAZALI CHA H
[SEMAKAN JENAYAH NO: 43-38-10-2016]
5 DISEMBER 2016

B

IMIGRESEN: *Pendatang asing tanpa izin (PATI) – Memasuki Malaysia tanpa pas sah – Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI – Pemohon berdaftar bawah program – Sama ada bukan lagi seorang PATI – Sama ada tidak boleh dipertuduh di mahkamah – Hukuman penjara – Sama ada terkhilaf – Sama ada perlu dibebaskan – Akta Imigresen 1959/63 s. 6(1)(c)*

C

Pemohon, seorang pendatang asing tanpa izin ('PATI'), telah dijatuhkan hukuman dua bulan penjara dan satu sebatan oleh Majistret setelah mengaku salah terhadap satu pertuduhan memasuki Malaysia tanpa pas yang sah bawah s. 6(1)(c), Akta Imigresen 1959/63 ('Akta'). Fakta menunjukkan bahawa semasa ditangkap dan dihadap dengan pertuduhan, pemohon telah pun berdaftar dengan perkhidmatan MyEG ('MyEG') untuk Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi membolehkan PATI seperti pemohon diberikan Pas Lawatan Sementara untuk terus bekerja dengan majikannya. Pemohon menjalani sebahagian hukuman penjara yang dijatuhkan, namun selepas itu telah memfail permohonan semakan jenayah memohon Mahkamah Tinggi menyemak kesahan dan keteraturan sabitan serta hukuman yang dijatuhkan atasnya. Di hadapan yang arif hakim, soalan yang berbangkit adalah sama ada penangkapan, pertuduhan dan hukuman terhadap pemohon sah dan boleh dipertahankan di sisi undang-undang.

D

E

F

Diputuskan (membenarkan semakan; membebaskan pemohon):

(1) Walaupun tidak lagi memiliki permit pekerjaan yang sah, akan tetapi, selepas didaftarkan dengan MyEG, maka status pemohon sebagai PATI di negara ini telah berubah kepada PATI yang dibenarkan untuk tinggal di negara ini sehingga proses pendaftaran oleh MyEG selesai. Dalam erti kata lain, setelah mendaftarkan dirinya dan membayar RM1134.52 kepada MyEG untuk program 'rehiring' tersebut, pemohon bukan lagi seorang PATI. (perenggan 9 & 10)

G

H

(2) Pihak Imigresen tidak boleh menuduh dan mendakwa pemohon selepas dia mengikuti program 'rehiring' ini. Jika tidak, pihak Kerajaan boleh dipertanggungjawabkan sebagai menipu PATI kerana masih menangkap dan menuduh mereka di mahkamah walaupun setelah mereka mendaftar diri dengan program dan membuat bayaran-bayaran tertentu. (perenggan 11)

I

Perundangan yang dirujuk:
Immigration Act 1959/63, s. 6(1)(c), (3)

Bagi pihak responden - Mahadhir Mohd Khairuddin; TPR
Bagi pihak pemohon - Selvaraja Chinniah; T/n CR Selva

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Ghazali Cha H:

[1] Ini adalah permohonan semakan oleh Mohammad Jafor Hossain yang difailkan oleh peguam belanya Selvaraja a/l Chinniah terhadap keputusan Majistret, Mahkamah Majistret Klang. Pada 27 September 2016 pemohon telah dijatuhkan hukuman dua bulan penjara dari tarikh ditangkap dan satu sebatan.

[2] Pada 27 Oktober 2016, permohonan pemohon telah didengar di hadapan saya dengan kehadiran peguam bela pemohon dan Timbalan Pendakwa Raya. Setelah saya mendengar hujah-hujah dari kedua-dua pihak, saya berpuas hati membenarkan permohonan semakan beliau itu dan mengetepikan perintah Majistret bertarikh 27 September 2016 seterusnya melepaskan dan membebaskan pemohon tanpa syarat.

[3] Pihak responden tidak berpuas hati terhadap perintah tersebut dan memfailkan rayuan ini.

[4] Secara ringkas fakta-fakta kes ini adalah seperti berikut:

(a) Pada 14 September 2016 jam lebih kurang 3.30pm, Inspektor G/13359 Azman bin Tubin dari Cawangan D7, Jabatan Siasatan Jenayah, IPD Klang Selatan, Selangor (laporan polis ditanda sebagai eks. P2) telah menangkap pemohon.

(b) Pemohon ditangkap di kawasan Taman Sentosa, Jalan Sungai Jati, Klang. Setelah pemeriksaan dijalankan, pemohon didapati telah masuk ke negara ini tanpa memiliki satu pas yang sah.

(c) Pemohon seterusnya dituduh di bawah s. 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) yang boleh dihukum di bawah s. 6(3) Akta yang sama. Seksyen 6(3) memperuntukkan hukuman maksima, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000) atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan hendaklah disebat dengan sebatan tidak melebihi enam sebatan.

(d) Pemohon telah mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut, pada tarikh itu peguam bela pemohon yang dilantik oleh majikannya, LZH Construction Solutions Sdn Bhd telah tidak hadir ke Mahkamah Majistret Klang. Menurut peguam bela pemohon, beliau telah tidak

dimaklumkan tarikh perbicaraan itu walaupun peguam ada memaklum pegawai penyiasat untuk memberitahu tarikh sebutan kes pemohon kepadanya terlebih dahulu.

(e) Di atas pengakuan salah tersebut pemohon telah dihukum dengan hukuman dua bulan penjara dari tarikh tangkap dan satu sebatan.

(f) Pemohon telah menjalani hukuman penjara lebih kurang satu bulan 13 hari, walau bagaimanapun hukuman sebatan belum lagi dilaksanakan ke atas pemohon.

(g) Pada 7 Oktober 2016, peguam bela pemohon telah memohon kepada mahkamah ini untuk membuat semakan hukuman Majistret tersebut sepertimana surat beliau di lampiran No. 6.

[5] Di dalam semakan ini, satu isu penting yang dibangkitkan oleh peguam bela terpelajar adalah sama ada pemohon yang telah mendaftar diri di bawah program penggajian dan penempatan semula "PATI" (rehiring) melalui konsortium PMF dengan "MyEG", pada 20 April 2016 boleh dituduh dengan pertuduhan ini?

[6] Di dalam hujah peguam bela terpelajar dengan sokongan oleh dokumen-dokumen di dalam ikatan no. 6, iaitu surat permohonan pemohon, telah menunjukkan apakah itu program "rehiring" oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, Dato' Sri Sakib bin Kusmi, bertarikh 27 Jun 2016. Menurut surat tersebut "programme rehiring" ini ditujukan kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini, program ini bermula pada 15 Februari 2016, untuk menggalakkan majikan dan PATI mendaftar di bawah program ini bagi mendapatkan pas lawatan sementara (PLS) yang sah untuk bekerja di pelbagai industri dan sektor yang dibenarkan. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi, adalah seperti di para. 3 surat tersebut.

[7] Pemohon di dalam semakan ini telah mengambil peluang ini untuk mendaftarkan dirinya di bawah program ini pada 20 April 2016 dengan "MyEG", resit bayaran pendaftaran oleh "MyEG" adalah disertakan seperti di dalam lampiran 6 tersebut. Pemohon juga telah membuat bayaran sebanyak RM1,134.52. Majikan pemohon adalah LZH Construction Solutions.

[8] Maka, menurut peguam bela, apabila seorang PATI telah mendaftar dirinya di bawah program ini, maka syarat-syarat yang disebut oleh Ketua Pengarah Imigresen adalah terpakai ke atasnya, iaitu beliau boleh terus bekerja dengan majikannya, sehingga proses pemutihan atau dokumentasi selesai untuk beliau bekerja dengan sah di negara ini.

[9] Setelah meneliti dokumen-dokumen yang disertakan bersama-sama permohonan ini, saya bersetuju dengan hujah peguam bela tersebut. Pemohon walaupun tidak lagi memiliki permit pekerjaan yang sah, akan

tetapi selepas didaftarkan dengan "MyEG" maka status beliau sebagai "PATI" di negara ini telah berubah kepada "PATI" yang dibenarkan untuk tinggal di negara ini sehingga proses pendaftaran oleh "MyEG" selesai.

[10] Pemohon di sini mempunyai majikan iaitu LZH Construction Solutions. Beliau telah membayar sejumlah RM1,134.52 kepada pihak "MyEG" untuk program "rehiring" tersebut. Pemohon di sini telah membuktikan dirinya bukanlah "PATI" selepas membuat pendaftaran tersebut.

[11] Pada pendapat saya, pihak imigresen tidak boleh menuduh pemohon selepas beliau mengikuti program "rehiring" ini, jika tidak, pihak Kerajaan boleh dipertanggungjawabkan sebagai menipu "PATI", kerana walaupun mereka telah berdaftar dengan "MyEG" dan membuat bayaran tertentu tetapi mereka boleh lagi ditangkap dan dituduh di mahkamah sebagai seorang "PATI".

[12] Pemohon, pada pendapat saya telah berjaya membuktikan bahawa beliau bukanlah "PATI" pada saat dia ditangkap oleh pihak imigresen.

[13] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya telah membenarkan permohonan semakan oleh pemohon ini. Oleh itu perintah dan hukuman Majistret pada 27 September 2016 diketepikan. Pemohon diperintah untuk dibebaskan tanpa apa-apa syarat.